

# UTHM terima penarafan 5 bintang

270 universiti  
daripada 45  
negara dinilai QS  
Intelligence Unit

KAMARUL HALIM M KAMAL

**BATU PAHAT** - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) terus melakukan peningkatan berterusan (soaring upwards) apabila menerima pengiktirafan lima bintang daripada lapan kategori yang dinilai oleh Sistem Penilaian Quacquarelli Symonds (QS) Stars Rating.

Untuk rekod, QS Intelligence Unit adalah antara organisasi audit berprestij yang berpusat di London dan terkenal sebagai organisasi pengauditan universiti yang bebas melalui QS World Ranking dan Rating.

Naib Canselor UTHM, Prof Dr Wahid Razally berkata, sejak 2010, badan bebas ini membuat penilaian terhadap lebih 270 institusi pendidikan daripada 45 negara.

Menurutnya, proses penarafan universiti oleh QS ini dilaksanakan pada setiap tiga tahun menggunakan kaedah pengukuran prestasi universiti berdasarkan output yang dihasilkan oleh sesebuah institusi pendidikan itu.

"UTHM mula tersenarai dalam penilaian QS rating pada 2013 yang bertujuan mengukur tahap universiti di peringkat dunia dan keputusan yang diperolehi oleh UTHM pada 2014 adalah tiga bintang secara keseluruhan.

"UTHM mendapat lima bintang menerusi tiga kategori iaitu pengajaran, fasiliti dan inovasi. Demi menambah baik

aspek ini, pelbagai tindakan strategik dirangka dan dilaksanakan sepanjang 2014 hingga 2017 bagi terus memperkukuh jenama UTHM ke peringkat yang lebih tinggi," katanya.

Wahid berkata, hasil pengauditan terkini oleh QS pada tahun ini, UTHM berjaya meraih lima bintang dalam kategori pengajaran, kebolehpasaran, fasiliti, tanggungjawab sosial dan inklusif (keterangkuman) yang secara keseluruhannya berjaya membawa peningkatan daripada tiga kepada empat bintang.

Katanya, pencapaian ini adalah hasil muafakat barisan kepimpinan dan segenap lapisan warga UTHM termasuk pelbagai pihak berpentingan seperti alumni, industri, ibu bapa dan masyarakat sekitar.

"UTHM merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua pimpinan UTHM yang terdahulu yang menyediakan laluan kecemerlangan untuk diteruskan.

"Pada masa yang sama, penghargaan kepada semua peringkat termasuk pihak Kementerian Pendidikan Tinggi, staf dan pelajar UTHM yang

Info

Terima pengiktirafan lima bintang daripada lapan kategori dinilai Sistem Penilaian Quacquarelli Symonds (QS) Stars Rating

saling berganding bahu berusaha tanpa mengenal erti jemu dalam menjayakan pelbagai inisiatif penambahbaikan ke arah merealisasikan proses penarafan ini.

"Pencapaian penarafan ini dilihat sebagai pembakar semangat untuk seluruh warga UTHM terus bersemangat menunaikan pekerjaan dengan penuh amanah dan dedikasi," katanya.

